

Belia Malaysia kongsi rasa, nilai yang sama

LEGENDA badminton negara, Datuk Lee Chong Wei; pelatih pakar bedah Malaysia, Dr. Nur Amalina Che Bakri dan naib juara *Asia's Got Talent*, Yaashwin Sarawanan atau lebih dikenali sebagai 'Manusia Kalkulator' mungkin tidak perlu diperkenalkan lagi.

Mereka adalah antara nama yang membuatkan seluruh rakyat Malaysia berkongsi satu perasaan yang sama iaitu bangga.

Boleh dikatakan seluruh negara lebih-lebih lagi golongan belia tanpa mengira batasan kaum dan agama, menzahirkan sokongan dan penghargaan yang tidak berbelah bahagi kepada mereka atas kejayaan serta kecemerlangan mengharumkan nama Malaysia di persada dunia.

"Dalam sedar atau tidak, nilai kebersamaan antara belia di Malaysia hakikatnya wujud sejak sekian lama dan ia menjadi penyumbang kepada kemakmuran masyarakat berbilang kaum di negara ini.

"Belia bukan sahaja saling menyokong dan mempunyai jati diri Malaysia dalam diri masing-masing, bahkan berganding bahu menjalankan aktiviti kemasyarakatan di samping sedia menghulur bantuan kepada yang memerlukan," demikian menurut Dr. Mohd. Mahadee Ismail, Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketaamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Mengulas lanjut, beliau berkata, belia termasuk golongan pelajar serta mahasiswa hakikatnya banyak 'berkongsi' perkara dan matlamat yang sama meskipun diterjemah melalui pelbagai cara yang berbeza.

"Tanpa mengira bangsa dan agama, mereka bergabung dalam satu pasukan, prihatin dengan isu masyarakat dan berlumba-lumba menghulur bantuan melalui pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya.

"Mahasiswa UPM sendiri sebagai contoh bekerjasama dengan beberapa NGO dalam mengagihkan bungkusan makanan kepada golongan gelandangan di ibu negara.

"Adakalanya mereka 'turun padang' mendapatkan sumbangan. Walaupun tidak mampu menyelesaikan masalah, tetapi melalui inisiatif sebegitu mereka sekurang-kurangnya membantu meringankan beban masyarakat," katanya.

Mohd. Mahadee memberitahu,

Menjengah Minda

Bersama ERDA KHURSYIAH BASIR (Bernama)

kajiannya berkaitan sosialisasi politik, etos nasional dan pembinaan negara bangsa dalam kalangan belia mendapati, 70 peratus belia di negara ini menunjukkan tahap toleransi yang tinggi dalam hubungan antara kaum.

Dalam hal yang mungkin dianggap remeh bagi sesetengah pihak, sebagai contoh, pelajar bukan dari etnik Melayu dan Islam turut sama berdiam apabila pensyarah berhenti mengajar seketika tatkala mendengar laungan azan.

Mereka juga antara lain menyatakan kesediaan untuk menziarahi rakan dari kumpulan etnik berbeza yang ditimpa musibah atau jatuh sakit.

"Kajian itu turut mendapati lebih 80 peratus belia daripada kumpulan kaum dan etnik berbeza menyatakan mereka bersedia memberi komitmen demi memenuhi keperluan dan kepentingan negara manakala lebih 85 peratus menyatakan mereka berkongsi masa depan yang sama dengan kumpulan belia berlainan kaum dan etnik.

"Melihat kepada perkara itu saya boleh katakan bahawa 'etos nasional' telah terbina dalam diri belia hari ini khususnya dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi

(IPT). Telah lahir 'rasa kekitaan bersama' dalam diri setiap mereka," katanya.

Mohd. Mahadee berkata, trend politik perkauman, pengaruh media sosial serta sistem pendidikan asas negara antara tiga perkara pokok yang perlu diberi perhatian.

"Politik perkauman boleh menjadi barah yang sukar dikawal dan dijadikan 'senjata sulit' dalam meraih simpati rakyat khususnya kumpulan etnik tertentu.

"Semua pihak perlu sedar dan mengambil inisiatif bagi mengurangkan politik polarisasi kaum," jelasnya.

Naib Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Malaysia, Muhammad Amir Asyraf Mohd. Sabri berkata, golongan belia perlu lebih terbuka untuk belajar mengasimilasi budaya masyarakat pelbagai kaum di negara ini bagi mengeratkan hubungan.

Melalui kaedah itu, katanya, setiap rakyat akan lebih mengenali, menghormati sekaligus menghargai keunikan yang ada pada Malaysia.

"Belia perlu menolak titik perbezaan dan bersatu atas satu titik persamaan. Belia juga perlu bersifat tidak mementingkan diri jauh sekali 'etnosentrisme'.

"Setiap perbezaan harus ditangani dengan cara penuh berhikmah demi keamanan, kedamaian dan kesejahteraan negara. Belia pada masa sama wajar mengambil iktibar daripada sejarah sebagai pemangkin semangat perpaduan," katanya sambil menambah perpecahan hanya akan memberi kemudaratkan kepada generasi akan datang.

Tegas beliau, sekiranya konsep perpaduan tidak dihayati, kemajuan dan pembangunan negara pada masa hadapan akan menjadi sukar untuk dilaksanakan.

“Belia bukan sahaja saling menyokong dan mempunyai jati diri Malaysia dalam diri masing-masing, bahkan berganding bahu menjalankan aktiviti kemasyarakatan di samping sedia menghulur bantuan kepada yang memerlukan

keperluan dan kepentingan negara manakala lebih 85 peratus menyatakan mereka berkongsi masa depan yang sama dengan kumpulan belia berlainan kaum dan etnik.

